



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KBS : 39/2024

KBS TERUSKAN INISIATIF INTERVENSI SOSIAL MENERUSI PROJEK REBEN KUNING BAGI TAHUN 2024

1. **Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh** telah **bertemu** dan **beramah mesra** dengan peserta program **Projek Reben Kuning Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2024** bertempat di **Penjara Wanita Kajang**, hari ini.
2. **Program Projek Reben Kuning** merupakan sebuah **inisiatif intervensi sosial** oleh **Kementerian Belia dan Sukan (KBS)** menerusi **Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)** dan **Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS)** dengan kerjasama **Jabatan Penjara Malaysia**. Program ini dianjurkan untuk **memberi peluang kedua** kepada **prospek belia** serta **penghuni Sekolah Henry Gurney** menerusi program-program latihan pembangunan kemahiran yang mempunyai pasaran kerjaya dan peluang keusahawanan.
3. Program Projek Reben Kuning bagi tahun 2024 **mempunyai objektif** seperti berikut:
 - 3.1 menyediakan program **pembangunan kemahiran** bagi membantu peserta mendapat pekerjaan dan kemudiannya menjalani kehidupan yang lebih baik setelah tamat tempoh tahanan;
 - 3.2 memperkukuh **jalinan kerjasama rentas agensi** kerajaan dalam pelaksanaan inisiatif intervensi sosial belia; dan
 - 3.3 membina **persepsi positif** masyarakat terhadap prospek belia serta penghuni Sekolah Henry Gurney seterusnya membantu mereka untuk membina kehidupan lebih baik.

4. Bagi edisi tahun 2024, sebanyak **22 kursus latihan kemahiran** ditawarkan di seluruh negara **bermula bulan Julai hingga Ogos** yang akan melibatkan **300 orang peserta**. Perincian pelaksanaan kursus adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
5. Pada hari ini, seramai **20 orang prospek belia wanita dari Penjara Wanita Kajang** telah selesai mengikuti **Kursus Terapi Urutan Sukan Golf dan Kursus Asas Operasi Kedi Golf** di bawah **Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG), KBS** yang telah dijalankan dari **7 hingga 10 Julai 2024**.
6. YB Menteri Belia dan Sukan turut menyampaikan **Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM) Tahap Gangsa** kepada **6 orang prospek belia wanita di Penjara Wanita Kajang**. ARPRM merupakan sebuah program ikonik bertaraf antarabangsa yang mengguna pakai model *The Duke of Edinburgh's International Award* khas untuk belia berusia antara **14 hingga 25 tahun**
7. Untuk mendapat **tahap gangsa**, peserta perlu melengkapkan **beberapa komponen** termasuklah **Kemahiran, Rekreasi Fizikal, Penjelajahan Lasak dan Khidmat Masyarakat**. Anugerah ARPRM ini dapat meniup semangat positif kepada para pemenang dalam memperkasakan pembangunan diri dan menjadi inspirasi kepada kumpulan belia berisiko.
8. Pelaksanaan projek ini diharapkan menjadi platform perubahan terbaik kepada peserta terutamanya kumpulan belia berisiko seterusnya **memperkukuhkan ekosistem pembangunan belia** selaras dengan **Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030)** dan kerangka **Malaysia MADANI**.
9. Majlis turut dihadiri oleh **Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad**.
10. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berhubung penganjuran program ini, sila hubungi JBSN melalui talian **03-8871 3463** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

10 Julai 2024

PERINCIAN PELAKSANAAN PROJEK REBEN KUNING TAHUN 2024

BIL.	JBS NEGERI	INSTITUSI	JUMLAH PENYERTAAN (ORANG)	SASARAN PESERTA	AKTIVITI/ LATIHAN KEMAHIRAN	TEMPAT PELAKSANAAN	TARIKH PELAKSANAAN
1	PERLIS	PUSAT KOREKSIONAL PERLIS	20	LELAKI	TEKNOLOGI AUTOMOTIF (PENYELENGGARAAN KERETA)	IKBN KUALA PERLIS	6 - 9 JULAI 2024
2	KEDAH	PRP KUALA MUDA	20	LELAKI	TEKNOLOGI AUTOMOTIF (PENYELENGGARAAN MOTORSIKAL)	PRP KUALA MUDA	1 - 4 JULAI 2024
3	PULAU PINANG	PENJARA SEBERANG PERAI	10	LELAKI	TEKNOLOGI ELEKTRIK (PEMBAIKAN PERKAKASAN LETRIK)	PENJARA SEBERANG PERAI	29 JULAI - 1 OGOS 2024
4			10	WANITA	TEKNOLOGI PERTANIAN (PENGELUARAN MAKANAN)		
5	PERAK	PRP PK KAMUNTING	20	LELAKI	TEKNOLOGI ELEKTRIK (PENDAWAIAN ELEKTRIK)	KOMPLEKS RAKAN MUDA LARUT MATANG	1- 4 JULAI 2024
6	SELANGOR	PRP SEPANG	10	LELAKI	TEKNOLOGI TERAPI SUKAN	PRP SEPANG	29 JULAI - 1 OGOS 2024
7			10	LELAKI	TEKNOLOGI MAKLUMAT (FOTOGRAFI)		
8		PUNCAK ALAM (SEKOLAH INTEGRITI)	10	LELAKI	BASIC HAIRCUT FOR MEN	PUNCAK ALAM (SEKOLAH INTEGRITI)	27 - 30 JULAI 2024
9	NEGERI SEMBILAN	PRP MANTIN	20	LELAKI	TEKNOLOGI AUTOMOTIF (PENYELENGGARAAN KERETA & AIRCOND)	IKTBN CHEMBONG	12 - 15 OGOS 2024

LAMPIRAN A

BIL.	JBS NEGERI	INSTITUSI	JUMLAH PENYERTAAN (ORANG)	SASARAN PESERTA	AKTIVITI/ LATIHAN KEMAHIRAN	TEMPAT PELAKSANAAN	TARIKH PELAKSANAAN
10	MELAKA	SHG TELOK MAS	20	WANITA	TEKNOLOGI HOSPITALITI (PENYAJIAN)	SHG TELOK MAS	1 - 4 JULAI 2024
11	JOHOR	PRP KLUANG	20	LELAKI	TEKNOLOGI MEKANIKAL (KIMPALAN)	PRP MUAR, IKTBN PAGOH	28 - 31 JULAI 2024
12	PAHANG	PENJARA BENTONG	20	WANITA	DIGITAL PRINTING	PENJARA BENTONG	9 - 12 JULAI 2024
13	TERENGGANU	PENJARA MARANG (SEKOLAH INTEGRITI)	10	LELAKI	TEKNOLOGI KOSMETOLOGI (PEREKAAN GAYA RAMBUT)	PENJARA MARANG (SEKOLAH INTEGRITI)	19 - 22 OGOS 2024
14	KELANTAN	PRP KUALA KRAI	20	LELAKI	ASAS MENGECAT KENDERAAN	PRP KUALA KRAI	28 - 31 JULAI 2024
15	SABAH	PRP TUARAN	10	LELAKI	TEKNOLOGI ELEKTRIK (PENYEJUK BEKUAN & PENYAMAN UDARA)	PRP TUARAN	12 - 15 OGOS 2024
16			10	LELAKI	TEKNOLOGI ELEKTRIK (PENDAWAIAN ELEKTRIK)		
17	SARAWAK	PENJARA MIRI	10	LELAKI	TEKNOLOGI AUTOMOTIF (PENYELENGGARAAN KERETA)	PENJARA MIRI	9 - 12 JULAI 2024
18			10	WANITA	TEKNOLOGI HOSPITALITI (PENYEDIAAN MAKANAN)		
19	WP KUALA LUMPUR	PENJARA WANITA KAJANG	10	WANITA	GOLF MASSAGE THERAPY	PENJARA WANITA KAJANG	7 - 10 JULAI 2024

Untuk maklumat lanjut berkaitan siaran media ini, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Belia dan Sukan di talian 03-8871 3100 atau Jabatan Belia dan Sukan Negara di talian 03-8871 3463 atau e-mel jbsn@kbs.gov.my

LAMPIRAN A

BIL.	JBS NEGERI	INSTITUSI	JUMLAH PENYERTAAN (ORANG)	SASARAN PESERTA	AKTIVITI/ LATIHAN KEMAHIRAN	TEMPAT PELAKSANAAN	TARIKH PELAKSANAAN
20			10	WANITA	BASIC CADDY OPERATION	& KAWASAN GOLF	
21	WP LABUAN	PUSAT KOREKSIONAL LABUAN	10	LELAKI	TEKNOLOGI ELEKTRIK (PENDAWAIAN ELEKTRIK)	PUSAT KOREKSIONAL LABUAN	JULAI/ OGOS 2024
22			10	LELAKI	TEKNOLOGI ELEKTRIK (PENYEJUK BEKUAN & PENYAMAN UDARA KOMERSIAL)		
JUMLAH KESELURUHAN PESERTA			300				